- 2.5 Sebarang rujukan kepada perkataan “bayar” atau ungkapan yang berkaitan, termasuklah pembayaran yang dibuat secara tunai, melalui cek, atau melalui pemindahan dalam talian atau antara bank yang memberikan penerima akses segera kepada dana yang telah dijelaskan dan boleh dipindahkan secara bebas. Istilah “Ringgit”, “RM” dan “sen” merujuk kepada mata wang yang sah di sisi undang-undang Malaysia.

3. TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL

- 3.1 Terma dan Syarat ini mengawal pengeluaran Kad Perniagaan oleh TNGSB dan penggunaan Kad Perniagaan oleh Syarikat dan Pemegang Kad.
- 3.2 Syarikat mengakui bahawa Syarikat dan Pemegang Kad telah membaca dan memahami sepenuhnya Terma dan Syarat ini sebelum mengemukakan Borang Permohonan, membeli dan menggunakan Kad Perniagaan dan Portal Perniagaan.

- 3.3 Dengan membeli/menggunakan Kad Perniagaan, Syarikat bersetuju, mengakui dan menerima tanpa syarat Terma dan Syarat ini, yang boleh dipinda dari semasa ke semasa selaras dengan Terma dan Syarat ini. Sekiranya Syarikat tidak bersetuju dengan Terma dan Syarat ini, Syarikat tidak seharusnya meneruskan penggunaan Kad Perniagaan.
- 3.4 Syarikat selanjutnya berjanji untuk memastikan bahawa mana-mana Pemegang Kad yang telah dikeluarkan atau diberikan Kad Perniagaan dimaklumkan tentang, dan mematuhi Terma dan Syarat ini. Syarikat hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang penggunaan dan/atau penyalahgunaan Kad Perniagaan oleh Pemegang Kad.
- 3.5 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca dengan terma dan syarat lain atau mana-mana perjanjian yang mengawal penggunaan Kad Perniagaan termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (a) Notis Privasi, yang mengawal pemprosesan data peribadi;
 - (b) Helaian Pendedahan Produk TNGSB bagi Kad Perniagaan, di mana salinannya akan dikongsi dengan Syarikat sewajarnya,
 - (c) terma dan syarat kad Touch 'n Go yang dipertingkatkan (*enhanced cards*), seperti yang disediakan di laman web TNGSB; dan
 - (d) terma dan syarat Portal Perniagaan, seperti yang disediakan di laman web Portal Perniagaan.
- 3.6 Sekiranya terdapat tiada keselarian atau percanggahan antara terma dan syarat yang dirujuk dalam Klausula 3.5 di atas, keutamaan hendaklah diberikan mengikut susunan berikut:
- (e) Terma dan Syarat ini;
 - (f) terma dan syarat Portal Perniagaan;
 - (g) Notis Privasi; dan
 - (h) terma dan syarat kad Touch 'n Go yang dipertingkatkan.

4. PERNYATAAN DAN JAMINAN

Syarikat dengan ini menyatakan dan memberi jaminan bahawa:

- (a) ia merupakan entiti yang diperbadankan dengan sah dan wujud secara sah dibawah undang-undang Malaysia dan mempunyai kapasiti, kuasa dan autoriti yang sah untuk memasuki, melaksanakan dan mematuhi Terma dan Syarat ini;
- (b) penyempurnaan, penyerahan dan pelaksanaan Terma dan Syarat ini telah diberi kuasa sewajarnya dan tidak dan tidak akan bercanggah dengan mana-mana perjanjian, dokumen perlembagaan atau obligasi yang mengikat Syarikat;
- (c) ia telah memperoleh semua keizinan, kelulusan, lesen dan kebenaran yang diperlukan dibawah Undang-Undang yang Terpakai untuk memasuki dan melaksanakan obligasinya di bawah Terma dan Syarat ini;

- (d) pelaksanaan dan pentadbiran program Kad Perniagaan telah direka untuk mematuhi semua Undang-Undang yang Terpakai. Syarikat akan mewujudkan polisi dan tatacara yang munasabah untuk memastikan Pemegang Kad menggunakan Kad Perniagaan selaras dengan Terma dan Syarat ini; dan
- (e) semua dokumen dan maklumat yang telah dan akan diberikan oleh Syarikat kepada TNGSB, termasuk tetapi tidak terhad kepada maklumat dalam Borang Permohonan adalah benar, tepat, lengkap dan terkini dan Syarikat akan memaklumkan kepada TNGSB secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan. Untuk mengelakkan keraguan, TNGSB berhak untuk bergantung kepada dokumen dan maklumat tersebut. TNGSB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan atau peninggalan maklumat yang dibuat oleh Syarikat dalam Borang Permohonan.

5. PERMOHONAN DAN PENGELUARAN KAD PERNIAGAAN DAN KAD PERNIAGAAN TAMBAHAN

- 5.1 Setelah Syarikat mengemukakan semua dokumen yang diperlukan kepada TNGSB bagi tujuan permohonan Kad Perniagaan, TNGSB akan menilai permohonan tersebut menurut kriteria yang telah ditetapkan dan sebarang keperluan di bawah Undang-Undang yang Terpakai.
- 5.2 Sekiranya permohonan diluluskan, TNGSB akan memaklumkan Syarikat secara bertulis dan memberikan anggaran tempoh masa bagi pengeluaran Kad Perniagaan yang dimohon tertakluk kepada Klausu 6 (Penghantaran, Pemeriksaan dan Pemilikan Kad Perniagaan) di bawah.
- 5.3 Sekiranya permohonan tidak diluluskan, TNGSB akan memaklumkan Syarikat secara bertulis. Sementara TNGSB boleh, atas budi bicara mutlakny, memberikan alasan penolakan, ia tidak mempunyai kewajipan untuk berbuat demikian.

6. PENGHANTARAN, PEMERIKSAAN DAN PEMILIKAN KAD PERNIAGAAN

- 6.1 TNGSB akan menghantar Kad Perniagaan kepada Syarikat melalui perkhidmatan kurier, pos berdaftar, atau apa-apa kaedah lain yang difikirkan sesuai oleh TNGSB, dalam tempoh dua belas (12) minggu selepas Syarikat mematuhi sepenuhnya Klausu 7.1 di bawah. Untuk mengelakkan keraguan, segala kos dan perbelanjaan penghantaran hendaklah ditanggung oleh Syarikat.
- 6.2 Syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk segera memeriksa Kad Perniagaan selepas menerimanya. Sekiranya terdapat sebarang kekurangan atau kecacatan yang bukan disebabkan oleh Syarikat, Syarikat hendaklah:
 - (a) memaklumkan TNGSB secara bertulis dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan Kad Perniagaan; dan
 - (b) memulangkan mana-mana Kad Perniagaan yang rosak atau cacat kepada TNGSB dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan Kad Perniagaan tersebut oleh Syarikat.

Kegagalan untuk mematuhi perkara di atas akan dianggap sebagai penerimaan sepenuhnya dan tanpa syarat oleh Syarikat terhadap Kad Perniagaan dalam kuantiti dan keadaan yang diterima. Tertakluk kepada notifikasi yang tepat pada masa dan, jika berkenaan, pemulangan Kad Perniagaan yang cacat, dan pengesahan TNGSB, TNGSB akan menggantikan Kad Perniagaan yang kekurangan atau cacat tersebut tanpa sebarang kos tambahan.

- 6.3 Sekiranya berlaku kegagalan penghantaran atau kehilangan Kad Perniagaan adalah bukan disebabkan oleh Syarikat, Syarikat hendaklah memaklumkan TNGSB secara bertulis dengan serta-merta setelah menyedari isu tersebut. TNGSB akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menyiasat perkara itu dan, jika perlu, mengeluarkan semula Kad Perniagaan atau memberikan bayaran balik, atas budi bicara mutlakny.

- 6.4 Risiko kehilangan dan kerosakan Kad Perniagaan akan beralih kepada Syarikat selepas Kad Perniagaan diterima oleh Syarikat.
- 6.5 Hakmilik ke atas Kad Perniagaan akan kekal dengan TNGSB dan hanya akan beralih kepada Syarikat setelah bayaran penuh invois berkaitan dibuat oleh Syarikat, seperti yang dibuktikan dengan bukti pembayaran yang sah daripada Syarikat.

7. TERMA PEMBAYARAN

- 7.1 Syarikat hendaklah membayar jumlah penuh yang dinyatakan dalam invois TNGSB dalam bentuk dana yang jelas, tanpa sebarang potongan, penahanan, atau tolakan, dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh invois. Bayaran hendaklah dibuat sepenuhnya sebelum penghantaran Kad Perniagaan.
- 7.2 Segala jumlah yang perlu dibayar oleh Syarikat kepada TNGSB berhubung dengan Kad Perniagaan adalah tidak termasuk sebarang cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada cukai nilai tambah, cukai penggunaan, cukai jualan dan perkhidmatan, duti, levi atau penilaian yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa. Syarikat bertanggungjawab secara mutlaknya untuk pembayaran cukai-cukai tersebut. Semua bayaran hendaklah dibuat tanpa sebarang potongan atau penahanan cukai. Sekiranya penahanan sebegitu diperlukan oleh Undang-Undang yang Terpakai, Syarikat hendaklah menanggung kos tersebut dan memberi TNGSB bukti pembayaran apabila diminta.
- 7.3 TNGSB berhak untuk membuat tolakan terhadap apa-apa jumlah yang terhutang dan perlu dibayar oleh Syarikat di bawah Terma dan Syarat ini dengan mana-mana bayaran yang diterima daripada Syarikat tanpa notis bertulis terlebih dahulu.

8. SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN

- 8.1 Penggunaan yang Dibenarkan: Kad Perniagaan boleh digunakan oleh Syarikat dan Pemegang Kad untuk tujuan-tujuan berikut:
- (a) **kad hubungan perniagaan** untuk berkongsi dan menyimpan profil dan maklumat hubungan Pemegang Kad melalui peranti yang menyokong NFC. Maklumat tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada:
 - (i) nama Pemegang Kad;
 - (ii) gambar Pemegang Kad;
 - (iii) nombor pengenalan kakitangan Pemegang Kad;
 - (iv) maklumat hubungan Pemegang Kad, termasuk nombor telefon dan alamat emel; dan
 - (v) apa-apa maklumat lain yang boleh disimpan dalam Kad Perniagaan.
 - (b) **kad akses** untuk memasuki premis, bangunan atau kawasan tertentu seperti yang ditentukan oleh Syarikat; dan
 - (c) **kad Touch 'n Go** untuk membuat bayaran di semua lokasi penggunaan Touch 'n Go seperti tol, transit, parkir, cawangan runcit dan/atau kawasan komuniti tertutup lain yang ditentukan oleh TNGSB.
- 8.2 Penggunaan yang Dibenarkan dan Liabiliti

- (a) Kad Perniagaan hanya boleh digunakan oleh Syarikat dan Pemegang Kad. Ia sama sekali tidak boleh dipindah milik.
- (b) Segala transaksi yang dilakukan menggunakan Kad Perniagaan akan dianggap telah dilakukan oleh Syarikat dan Syarikat hendaklah bertanggungjawab untuk penggunaan Kad Perniagaan oleh Pemegang Kad dan semua aktiviti yang dijalankan melalui Kad Perniagaan tersebut.
- (c) Syarikat hendaklah, dan hendaklah memastikan Pemegang Kad juga, menggunakan Kad Perniagaan semata-mata untuk tujuan yang sah dan selaras dengan Terma dan Syarat ini, semua Undang-Undang yang Terpakai dan sebarang tatacara atau arahan yang dikeluarkan oleh TNGSB dari semasa ke semasa.

8.3 Penggunaan yang Dilarang: Syarikat tidak boleh, dan hendaklah memastikan Pemegang Kad tidak:

- (a) menjual, merosakkan, mengubah, atau melakukan sebarang tindakan yang boleh menjejaskan fungsi atau penggunaan Kad Perniagaan;
- (b) menggunakan Kad Perniagaan untuk tujuan yang menyalahi undang-undang atau penipuan; atau
- (c) terlibat dalam sebarang tindakan atau peninggalan yang boleh menjejaskan TNGSB.

8.4 Penamatan Penggunaan: Apabila Pemegang Kad meletakkan jawatan atau ditamatkan perkhidmatannya dengan Syarikat, Syarikat hendaklah memastikan bahawa Kad Perniagaan dinyahaktifkan dengan segera. Melainkan dibenarkan sebaliknya oleh TNGSB, sebarang permintaan untuk bayaran balik bagi Nilai yang Tidak Digunakan dalam Kad Perniagaan hendaklah dibuat selaras dengan terma dan syarat kad Touch 'n Go yang dipertingkatkan.

9 AKAUN PORTAL PERNIAGAAN

9.1 Syarikat dan/atau Pengguna yang Dibenarkan boleh mengakses Portal Perniagaan untuk melihat dan/atau mengurus Kad Perniagaan. Akses ke Portal Perniagaan adalah tertakluk kepada terma dan syarat Portal Perniagaan. Syarikat amat digalakkan untuk sentiasa menyemak Portal Perniagaan bagi mendapatkan kemas kini dan maklumat yang berkaitan dengan Kad Perniagaan dan Akaun.

9.2 Pasukan Sokongan Perniagaan (*Business Support Team*) TNGSB akan menyediakan ID Pengguna dan kata laluan awal setelah permohonan Syarikat diluluskan. Sekiranya terdapat sebarang isu berhubung dengan Portal Perniagaan, Syarikat dan/atau Pengguna yang Dibenarkan boleh menghubungi TNGSB secara bertulis melalui:

- (a) e-mel: business-support@touchngo.com.my; atau
- (b) nombor telefon: 03-2714 8888.

TNGSB berhak meminta pengesahan identiti tambahan bagi tujuan keselamatan Akaun.

9.3 Dalam Portal Perniagaan, Syarikat boleh:

- (a) mengubah, mengemas kini, menambah dan/atau memadam Data Peribadi mana-mana Pemegang Kad yang berkaitan dengan Kad Perniagaan; dan
- (b) menyemak status penghantaran, pesanan dan pencetakan Kad Perniagaan.

- 9.4 Segala maklumat yang disediakan dalam Portal Perniagaan, sama ada yang dikemukakan oleh Syarikat atau dijana oleh TNGSB, akan dianggap tepat dan terkini pada masa akses. Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan ketepatan dan kelengkapan apa-apa data, maklumat, gambar dan/atau Data Peribadi yang dikemukakan atau dikemas kini dalam Portal Perniagaan. TNGSB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang percanggahan yang timbul akibat maklumat yang tidak tepat, tidak lengkap atau tidak dikemas kini yang diberikan oleh Syarikat dan/atau Pengguna yang Dibenarkan.

10. KAD PERNIAGAAN YANG HILANG, ROSAK ATAU DIUBAH

- 10.1 Syarikat hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan Kad Perniagaannya daripada mengalami kerosakan fizikal, kecurian, penggodaman, pengklonan, berlaku keterbalikan atur, dan/atau penggunaan tanpa kebenaran. TNGSB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang transaksi tidak sah yang dilakukan menggunakan Kad Perniagaan yang Hilang, Rosak atau Diubah, melainkan keputusan transaksi tersebut berpunca daripada kecuai melampau atau salah laku sengaja oleh TNGSB.
- 10.2 Syarikat hendaklah memaklumkan TNGSB secara bertulis dengan segera sekiranya Kad Perniagaan didapati Hilang, Rosak atau Diubah mengikut Klausu 24 (Notis-Notis) dengan memberikan maklumat seperti berikut:
- Nama Pemegang Kad;
 - Maklumat hubungan Pemegang Kad, termasuk nombor telefon bimbit dan jawatan Pemegang Kad; dan
 - Nombor siri kad.
- 10.3 Setelah menerima notis bertulis tersebut, TNGSB akan sedaya upaya menamatkan Kad Perniagaan yang dilaporkan sebagai Hilang, Rosak atau Diubah.

11. PENGGANTIAN KAD PERNIAGAAN

- 11.1 Setelah menerima permintaan bertulis Syarikat, TNGSB akan menggantikan mana-mana Kad Perniagaan yang Hilang, Rosak atau Diubah. Penggantian mana-mana Kad Perniagaan mungkin tertakluk kepada:
- (a) penyelesaian memuaskan bagi sebarang pelanggaran Terma dan Syarat ini oleh Syarikat; dan
 - (b) pematuhan Syarikat terhadap Terma dan Syarat ini dan mana-mana prosedur lain yang ditentukan oleh TNGSB dari semasa ke semasa.
- 11.2 Untuk menggantikan mana-mana Kad Perniagaan, TNGSB akan menggunakan mana-mana Kad Perniagaan yang telah dibeli tetapi tidak digunakan oleh Syarikat. Jika Kad Perniagaan yang dibeli tidak mencukupi, Syarikat dikehendaki mengemukakan pesanan baru untuk Kad Perniagaan tambahan mengikut Klausu 5 (Permohonan dan Pengeluaran Kad Perniagaan dan Kad Perniagaan Tambahan).
- 11.3 Atas permintaan Pemegang Kad, dan tertakluk kepada pengesahan, TNGSB akan memindahkan sebarang nilai yang tidak digunakan dalam Kad Perniagaan yang ditamatkan (jika berkenaan dan tidak dipertikaikan) kepada kad gantian.

12. HAK TNGSB UNTUK MENYAHAKTIFKAN PERKHIDMATAN

- 12.1 Jika Syarikat atau Pemegang Kadnya melakukan mana-mana pelanggaran terhadap Terma dan Syarat ini, TNGSB boleh menyahaktifkan sementara Perkhidmatan; akses kepada Portal Perniagaan dan/atau mana-mana atau semua Kad Perniagaan sehingga pelanggaran tersebut telah diperbetulkan dengan memuaskan oleh Syarikat atau Pemegang Kadnya.
- 12.2 Tertakluk kepada kelulusan TNGSB, Syarikat boleh memohon untuk mengaktifkan semula Perkhidmatan dan/atau mana-mana Kad Perniagaan yang telah dinyahaktifkan oleh TNGSB.

13 GANGGUAN DAN PENYELENGGARAAN

- 13.1 TNGSB boleh, dari semasa ke semasa, menggantung sementara akses kepada Perkhidmatan dan/atau Portal Perniagaan bagi tujuan penyelenggaraan berjadual, penaiktarafan, atau penyelesaian isu teknikal. Sementara usaha munasabah akan dibuat untuk memaklumkan Syarikat dan/atau Pemegang Kad lebih awal berkenaan penyelenggaraan yang dirancang, terdapat juga gangguan yang tidak dijadualkan yang mungkin berlaku disebabkan oleh keadaan di luar kawalan TNGSB, termasuk tetapi tidak terhad kepada kegagalan sistem keseluruhan, penyelenggaraan kecemasan, atau gangguan luar disebabkan factor-faktor luaran.
- 13.2 TNGSB tidak menjamin atau memberikan sebarang waranti bahawa akses kepada Perkhidmatan dan/atau Portal Perniagaan akan berterusan dan/atau tanpa gangguan, dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) yang timbul daripada atau berkaitan dengan kekosongan sementara, kelewatan atau gangguan dalam akses kepada Perkhidmatan dan/atau Portal Perniagaan.
- 13.3 Syarikat dan/atau Pemegang Kad mengakui dan bersetuju bahawa gangguan sementara sedemikian adalah sebahagian daripada sifat perkhidmatan digital dan bersetuju bahawa akses kepada Perkhidmatan dan/atau Portal Perniagaan mungkin terjejas dari semasa ke semasa.

14 HAK HARTA INTELEK

- 14.1 Segala hak harta intelek milik TNGSB, termasuk tetapi tidak terhad kepada produk, pengetahuan teknikal berkaitan Kad Perniagaan dan mana-mana produk TNGSB, nama jenama TNGSB, imej dan lambang ("**Hak Harta Intelek TNG**") adalah dan akan kekal menjadi milik TNGSB.
- 14.2 Syarikat tidak boleh menggunakan atau mengeksploitasi mana-mana Hak Harta Intelek TNG, termasuk dalam apa-apa bahan promosi, komunikasi awam, atau usaha publisiti oleh Syarikat tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pihak TNGSB.
- 14.3 Syarikat memberi jaminan bahawa Syarikat tidak akan menyediakan dan/atau memasukkan sebarang karya seni, reka bentuk, imej atau teks pada Kad Perniagaan yang boleh dianggap sebagai menyinggung, bersifat diskriminasi, menyalahi undang-undang, atau tidak sesuai. Ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada kandungan yang:
- (a) melanggar mana-mana hak harta intelek pihak ketiga; dan/atau
 - (b) mempromosikan ucapan kebencian, keganasan, atau diskriminasi terhadap mana-mana individu atau kumpulan berdasarkan kaum, jantina, agama, kewarganegaraan, ketidakupayaan, orientasi seksual, atau umur.
- 14.4 Sekiranya TNGSB mengesan atau mengesyaki dengan munasabah pelanggaran Klausa ini, sama ada semasa proses permohonan atau pada bila-bila masa selepas pengeluaran Kad Perniagaan, TNGSB berhak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- (a) menolak atau membatalkan permohonan Syarikat bagi Kad Perniagaan;
 - (b) menahan atau menggantung proses pengeluaran atau penghantaran Kad Perniagaan;
 - (c) meminta Syarikat untuk meminda atau menghantar semula reka bentuk yang mematuhi syarat dengan kos yang ditanggung oleh Syarikat sendiri; dan/atau

(d) menyahaktifkan atau menamatkan Kad Perniagaan yang terjejas, jika telah dikeluarkan.

- 14.5 Syarikat mengakui bahawa menjadi tanggungjawab Syarikat untuk memastikan semua penyerahan mematuhi undang-undang yang terpakai dan piawaian etika. TNGSB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kos atau kerugian yang ditanggung oleh Syarikat akibat tindakan yang diambil di bawah Klausula ini, kecuali jika kerugian tersebut disebabkan oleh kecuaiian melampau atau salah laku sengaja oleh pihak TNGSB.
- 14.6 Tiada sebarang hak atau lesen lain diberikan kepada Syarikat melainkan yang dinyatakan secara nyata dalam Terma dan Syarat ini.
- 14.7 Syarikat tidak boleh mengubah suai, mengeluarkan semula, mengedarkan, menterbalik atur, atau membuat kerja terbitan Kad Perniagaan atau mana-mana bahagiannya, sama ada untuk tujuan komersial, dalaman, atau awam tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada TNGSB.

15 PEMASARAN DAN PUBLIKASI

- 15.1 Syarikat tidak boleh membuat atau membenarkan sebarang pengumuman awam, siaran akhbar, komunikasi media, atau kenyataan awam lain yang berkaitan dengan Terma dan Syarat ini, Kad Perniagaan, atau hubungannya dengan TNGSB tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada TNGSB.
- 15.2 TNGSB boleh, dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Syarikat (yang tidak boleh ditarik balik secara tidak munasabah atau ditangguhkan), merujuk Syarikat sebagai pengguna Kad Perniagaan dalam bahan promosi, siaran akhbar, atau komunikasi awam lain, dengan syarat bahawa publisiti tersebut tidak, atas budi bicara tunggal TNGSB, memesongkan hubungan atau menjatuhkan reputasi Syarikat.
- 15.3 Bagi mengelakkan sebarang keraguan, sebarang bentuk publisiti yang melibatkan TNGSB tidak boleh, atas budi bicara tunggal TNGSB, menjatuhkan atau menjejaskan reputasi atau nama baik TNGSB.

16 PENGECUALIAN LIABILITI DAN GANTI RUGI

- 16.1 TNGSB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Syarikat dan/atau Pemegang Kad yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Kad Perniagaan dan Portal Perniagaan, kecuali dimana kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tersebut disebabkan oleh kecuaiian melampau, penipuan atau salah laku sengaja oleh pihak TNGSB.
- 16.2 Setakat yang dibenarkan oleh Undang-Undang yang Terpakai, TNGSB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan tidak langsung, bersampingan atau berbangkit, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan keuntungan, hasil, nama baik, atau penjimatan yang dijangka, yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Kad Perniagaan dan/atau Portal Perniagaan oleh Syarikat dan/atau Pemegang Kad. Dalam apa jua keadaan, jumlah keseluruhan liabiliti TNGSB terhadap semua tuntutan yang timbul di bawah atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini adalah terhad kepada **Ringgit Malaysia Satu Ribu dan Lima Ratus Sahaja (RM1,500.00) sahaja**, melainkan liabiliti tersebut berpunca daripada kecuaiian melampau, penipuan atau salah laku sengaja oleh pihak TNGSB.
- 16.3 Syarikat bersetuju untuk memberi ganti rugi dan memastikan TNGSB tidak dipertanggungjawabkan daripada dan terhadap sebarang tuntutan, kerugian, kerosakan, kos dan perbelanjaan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyalahgunaan Kad Perniagaan dan/atau Portal Perniagaan atau sebarang pelanggaran terhadap Terma dan Syarat ini oleh Syarikat, kakitangannya yang diberi kuasa dan/atau Pemegang Kad. Ganti rugi ini tidak akan terpakai sekiranya tuntutan, kerugian, kerosakan, kos atau perbelanjaan tersebut berpunca daripada kecuaiian melampau, penipuan atau salah laku sengaja oleh pihak TNGSB.

17 PENAMATAN

- 17.1 Penamatan untuk Kemudahan oleh TNGSB: TNGSB boleh menamatkan Terma dan Syarat ini untuk kemudahan dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan kepada Syarikat.
- 17.2 Penamatan oleh Syarikat: Syarikat boleh menamatkan Perkhidmatan dan/atau Kad Perniagaan dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan melalui e-mel kepada TNGSB di:
- (a) Jabatan Jualan di tradingsales.enquiries@touchngo.com.my untuk menamatkan Perkhidmatan; dan
 - (b) Jabatan Kewangan di afbs@touchngo.com.my untuk memulakan proses bayaran balik.
- 17.3 Penamatan untuk Sebab oleh TNGSB: TNGSB boleh menamatkan Perkhidmatan dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kepada Syarikat sekiranya berlaku mana-mana keadaan berikut:
- (a) Syarikat digulungkan, dihentikan atau diancam untuk menghentikan operasi, menjadi muflis, berada dalam proses pembubaran, atau tertakluk kepada prosiding atau perintah serupa, termasuk pelantikan seorang penerima atau pengurus;
 - (b) Syarikat gagal membuat sebarang pembayaran yang terhutang di bawah Terma dan Syarat ini;
 - (c) Syarikat melanggar mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini dan/atau gagal memulihkan pelanggaran tersebut (jika boleh dipulihkan) dalam tempoh munasabah yang dinyatakan oleh TNGSB; atau
 - (d) penamatan adalah diperlukan untuk mematuhi sebarang Undang-undang yang Terpakai, perintah mahkamah atau arahan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa dan/atau kerajaan.
- 17.4 Penamatan akibat Pelanggaran atau Penyalahgunaan: Walau apa pun dalam Klausa 17.3 di atas, TNGSB boleh menamatkan Perkhidmatan dan/atau mana-mana Kad Perniagaan dengan serta-merta sekiranya TNGSB secara munasabah mengesyaki bahawa mana-mana Kad Perniagaan tersebut digunakan untuk tujuan penipuan, aktiviti haram atau menyalahi undang-undang dan/atau jika Syarikat atau Pemegang Kad telah melakukan pelanggaran material mana-mana Undang-Undang yang Terpakai.
- 17.5 Penggantungan atau Penamatan Kad Perniagaan: Tanpa prejudis kepada hak TNGSB di bawah klausa penamatan di atas, TNGSB boleh menggantung atau menamatkan penggunaan Kad Perniagaan oleh mana-mana individu:
- (a) jika Pemegang Kad didapati melanggar mana-mana Terma dan Syarat ini dan/atau terma dan syarat kad Touch 'n Go yang dipertingkatkan; atau
 - (b) apabila penggajian Pemegang Kad dengan Syarikat telah berakhir.

18 AKIBAT PENAMATAN

- 18.1 Penamatan Perkhidmatan dan/atau Kad Perniagaan ini tidak akan menjejaskan hak dan liabiliti mana-mana Pihak terhadap pihak yang satu lagi berkenaan dengan sebarang pelanggaran terdahulu terhadap Terma dan Syarat ini.
- 18.2 Pada tarikh penamatan Perkhidmatan, sebarang baki tertunggak bawah Terma dan Syarat ini akan menjadi terhutang dan perlu dibayar oleh Syarikat sama ada diinvois atau tidak oleh TNGSB.

19 PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

- 19.1 Syarikat mengakui bahawa mereka dan Pemegang Kad mereka telah membaca dan memahami Notis Privasi TNGSB yang tersedia di laman web TNGSB dan/atau Portal Perniagaan. Syarikat juga selanjutnya mengakui bahawa sebarang Data Peribadi yang dikumpulkan oleh TNGSB akan diproses selaras dengan Notis Privasi TNGSB dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
- 19.2 Syarikat menjamin bahawa ia diberi kuasa dan telah memperoleh persetujuan yang sewajarnya untuk memberikan Data Peribadi bagi tujuan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan oleh TNGSB seperti yang diterangkan dalam Notis Privasi TNGSB.
- 19.3 Dimana Pemegang Kad memberikan Data Peribadi mereka secara sukarela untuk tujuan yang diketahui atau di mana maklumat tersebut secara amnya tersedia dan boleh diperoleh melalui cara yang munasabah di lokasi atau acara yang terbuka kepada orang awam, ia akan dianggap sebagai persetujuan tersirat dan persetujuan tersirat tersebut akan dianggap sah.
- 19.4 TNGSB akan menyimpan butiran peribadi Pemegang Kad sebagai sulit dan peribadi kecuali maklumat tersebut perlu didedahkan bagi tujuan penyediaan perkhidmatan kepada Syarikat. TNGSB tidak akan mendedahkan maklumat Pemegang Kad kepada mana-mana pihak ketiga untuk tujuan selain daripada Perkhidmatan dan mengikut Notis Privasi TNGSB..
- 19.5 Walau apa pun dalam Klausa 19.4 di atas, TNGSB boleh menggunakan dan/atau mendedahkan sebarang maklumat kepada:
- (a) badan pengawalseliaan atau pihak berkuasa lain bagi pematuhan terhadap keperluan di bawah undang-undang atau bagi pengesanan atau pencegahan jenayah dan/atau penipuan;
 - (b) mana-mana pihak yang terlibat atau berkaitan dengan prosiding undang-undang bagi tujuan yang berkaitan dengan perkhidmatan yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini; dan/atau
 - (c) untuk mematuhi sebarang kewajipan undang-undang yang TNGSB tertakluk kepadanya.

20 ANTI-RASUAH DAN ANTI-KORUPSI

- 20.1 Setiap Pihak hendaklah, dalam melaksanakan kewajipan mereka di bawah Terma dan Syarat ini:
- (a) mematuhi Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan semua peraturan, undang-undang kecil dan garis panduan yang dibuat menurutnya, sebagaimana yang dikemaskini dari semasa ke semasa (secara kolektif dirujuk sebagai “**Akta SPRM**”), termasuk menjauhkan diri daripada sebarang perbuatan yang terdiri atau boleh ditafsirkan sebagai menawarkan, memberi, meminta, atau menerima suapan, sama ada secara langsung atau tidak langsung, yang melanggar Akta SPRM;
 - (b) melaksanakan dan mengekalkan tatacara yang mencukupi, selaras dengan Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang dikeluarkan di bawah Seksyen 17A(5) Akta SPRM, bagi mencegah berlakunya amalan rasuah; dan
 - (c) bertindak selaras dengan polisi anti-rasuah dan anti-korupsinya untuk mengurangkan risiko ketidakpatuhan terhadap Akta SPRM.
- 20.2 Syarikat hendaklah, dan hendaklah memastikan bahawa setiap Pemegang Kad mereka, membaca dan memahami Polisi Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi TNGSB ([Anti Bribery and Corruption Policy | Touch 'n Go](#))

touchngo.com.my) dan Polisi Pemberi Maklumat ([Whistleblowing Policy | Touch 'n Go \(touchngo.com.my\)](#)), yang disediakan dan boleh diakses oleh Syarikat melalui laman web TNGSB;

- 20.3 Sekiranya Syarikat melanggar Klausula 20 ini (Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi), Syarikat hendaklah menanggung rugi dan memastikan TNGSB tidak bersalah menurut Klausula 16.3 dan TNGSB berhak untuk menamatkan Perkhidmatan ini serta-merta mengikut Klausula 17 (Penamatan).

21 PERUBAHAN MATERIAL

- 21.1 Syarikat hendaklah segera memaklumkan TNGSB sekiranya:

(a) terdapat sebarang perubahan dalam pegangan saham atau pengarah dalam organisasi Syarikat, sama ada melalui pemindahan, penjualan, pemerolehan, pelantikan, pelepasan, peletakan jawatan, perintah Mahkamah atau menurut Undang-Undang yang Terpakai yang berkuat kuasa, atau melalui apa-apa cara lain ("**Perubahan Material**"); atau

(b) Syarikat menyedari sebarang keadaan yang boleh menyebabkan berlakunya Perubahan Material,

dan dalam apa jua keadaan, pemberitahuan tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh berlakunya Perubahan Material tersebut.

- 21.2 Syarikat hendaklah memberikan butiran lengkap, tepat dan terkini berkenaan Perubahan Material tersebut, termasuk nama pemegang saham atau pengarah yang terlibat, peratusan pegangan saham atau peranan masing-masing, sebarang implikasi terhadap Terma dan Syarat ini antara Pihak-Pihak dan apa-apa maklumat dan/atau dokumen yang mungkin diminta oleh kami. Kegagalan, keengganan dan/atau kelalaian Syarikat untuk mematuhi mana-mana kewajipan di bawah Klausula ini akan dianggap sebagai pelanggaran material terhadap Terma dan Syarat ini, dan TNGSB berhak untuk menamatkan Perkhidmatan menurut dengan Terma dan Syarat ini.

22 KONFLIK KEPENTINGAN

- 22.1 Syarikat hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu dan menjalankan usaha wajar bagi membolehkannya mengesan, mengenal pasti, mengurus, memantau dan/atau mencegah sebarang Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

(a) menubuhkan polisi-polisi, proses-proses dan tatacara-tatacara berkaitan pengenalpastian, pengurusan dan pemantauan Konflik Kepentingan bagi pematuan oleh Syarikat dan Orang yang Berkaitan dan polisi-polisi, proses-proses dan tatacara-tatacara tersebut dilaksanakan secara konsisten, dipantau, dikuatkuasakan dan disemak secara berkala untuk mengurangkan risiko berlakunya Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan yang melanggar Klausula ini;

(b) memperoleh dan mengesahkan perisytiharan ke atas Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan yang dibuat oleh Orang yang Berkaitan sebelum menandatangani Borang Permohonan ini dan/atau sepanjang Tempoh Borang Permohonan; dan

(c) memantau dan mengurus secara berterusan sebarang Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan yang telah didedahkan kepada TNGSB sebelum menandatangani Borang Permohonan ini dan/atau sepanjang Tempoh Borang Permohonan.

- 22.2 Sekiranya Syarikat atau Orang yang Berkaitan mengenal pasti atau menyedari akan berlakunya Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan selepas memasuki Terma dan Syarat ini, Syarikat dan Orang yang Berkaitan hendaklah:

- (a) memberikan pendedahan bertulis dengan segera, lengkap dan sewajarnya kepada TNGSB yang menyatakan semua fakta dan maklumat berkaitan dengan Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan tersebut. TNGSB berhak untuk meminta maklumat lanjut atau dokumen sokongan jika perlu;
- (b) mengambil langkah yang perlu untuk memberi maklum balas, menyelesaikan, membetulkan, menghapuskan atau mengurangkan Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan tersebut dengan segera dan memaklumkan kami mengenai semua maklum balas dan tindakan pemulihan. Kami berhak untuk menyemak mana-mana dan semua maklum balas dan tindakan pemulihan tersebut, dan mengenakan sebarang keperluan lain yang munasabah bagi tujuan yang sama untuk kepuasannya;
- (c) memberikan bantuan dan kerjasama kepada TNGSB (termasuk akses kepada fasiliti, sumber, peralatan, data digital dan fizikal, dan kakitangan, dan hak untuk membuat salinan maklumat atau data), bagi tujuan audit, penyiasatan dan pengesahan terhadap Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan tersebut; dan
- (d) mengambil semua langkah yang perlu untuk melindungi kepentingan TNGSB.

Klausa 22.2 ini hendaklah terpakai tanpa mengira bila Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan itu timbul atau sama ada ianya telah didedahkan kepada kami.

- 22.3 Syarikat dan Orang yang Berkaitan hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa mereka tidak akan mengambil sebarang tindakan atau diletakkan dalam kedudukan yang wujud atau mungkin mewujudkan Konflik Kepentingan sepanjang tempoh Terma dan Syarat ini masih berkuat kuasa.
- 22.4 Jika, dalam penilaian munasabah kami, Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan tersebut memberi kesan yang besar terhadap prestasi kewajipan-kewajipan anda di bawah Terma dan Syarat ini atau telah menyebabkan atau mungkin boleh menyebabkan TNGSB melanggar polisi-polisi, proses-proses dan tatacara-tatacara dalaman TNGSB mengenai Konflik Kepentingan dan/atau Hubungan atau mana-mana Undang-Undang yang Terpakai, dan walau apa pun Syarikat atau Orang yang Berkaitan telah mengambil tindakan di bawah Klausa 22.2 di atas, TNGSB berhak untuk menamatkan Perkhidmatan selepas memberikan notis bertulis kepada Syarikat berkenaan perkara tersebut.
- 22.5 Sebarang pelanggaran terhadap Klausa ini oleh Syarikat akan memberikan hak kepada TNGSB untuk menamatkan Perkhidmatan menurut Klausa 17 (Penamatan).

Dibawah Klausa 22 (Konflik Kepentingan) ini,

“Hubungan” bermaksud hubungan peribadi, profesional atau perniagaan;

“Konflik Kepentingan” bermaksud konflik sebenar, yang disangka atau yang berpotensi atau ketidakserasian kepentingan secara langsung atau tidak langsung antara satu Pihak dengan Pihak yang lain, sama ada kepentingan tersebut bersifat kewangan, profesional, atau peribadi, yang telah atau mungkin menjejaskan pelaksanaan kewajipan oleh Pihak tersebut di bawah Borang Permohonan atau tujuan atau objektif yang dimaksudkan dalam Borang Permohonan;

“Orang yang Berkaitan” bermaksud (i) semua pengarah, pemegang saham, pegawai, kakitangan, pekerja dan/atau wakil sesebuah Pihak; atau (ii) mana-mana ahli keluarga terdekat secara langsung kepada pengarah, pemegang saham, pegawai, kakitangan, pekerja dan/atau wakil tersebut, iaitu pasangan, ibu bapa, anak (termasuk anak angkat atau anak tiri), adik-beradik atau pasangan kepada anak atau adik-beradik.

23 FORCE MAJEURE

- 23.1 Tiada mana-mana Pihak boleh dianggap telah melanggar kewajipannya di bawah Terma dan Syarat ini sekiranya pihak tersebut tidak dapat melaksanakan kewajipan tersebut akibat berlakunya sesuatu peristiwa di luar kawalan munasabah yang tidak dapat dicegah, dielakkan atau diatasi (secara kolektif dirujuk sebagai ("**Peristiwa Force Majeure**"), dengan syarat bahawa Pihak yang terkesan hendaklah memaklumkan kepada Pihak yang satu lagi secepat yang boleh secara munasabah dan dalam apa jua kes, tidak lewat daripada tiga (3) Hari Bekerja dari tarikh Pihak tersebut menyedari tentang Peristiwa Force Majeure tersebut.
- 23.2 Sekiranya pelaksanaan mana-mana kewajipan oleh Pihak yang terkesan tertangguh disebabkan oleh Peristiwa Force Majeure, tempoh pelaksanaan tersebut hendaklah dilanjutkan bagi tempoh yang munasabah diperlukan, tertakluk kepada persetujuan bertulis bersama antara Pihak-pihak.
- 23.3 Sekiranya Peristiwa Force Majeure berterusan melebihi tempoh enam (6) bulan berturut-turut, kedua-dua Pihak hendaklah mengadakan perbincangan secara bona fide dengan tujuan untuk mengurangkan kesan Peristiwa tersebut, atau untuk mencapai persetujuan terhadap pengaturan alternatif yang adil dan munasabah, termasuk tetapi tidak terhad kepada penamatan Perkhidmatan.
- 23.4 Kedua-dua Pihak bersetuju bahawa kegagalan Syarikat atau Pemegang Kad untuk membuat sebarang pembayaran kepada TNGSB di bawah Terma dan Syarat ini tidak boleh dianggap sebagai suatu Peristiwa Force Majeure.

24 NOTIS-NOTIS

- 24.1 Sebarang notis yang perlu diberikan oleh satu Pihak kepada Pihak satu lagi hendaklah diberikan secukupnya melalui serahan tangan atau pos berdaftar prabayar atau elektronik mel dan hendaklah dianggap telah disampaikan dengan sewajarnya:
- (a) jika dihantar melalui serahan tangan, pada masa penyerahan dan setelah penerimaan disahkan oleh Pihak yang satu lagi;
 - (b) jika dihantar melalui pos berdaftar prabayar, dalam tempoh lima (5) hari selepas tarikh pengeposan; atau
 - (c) jika dihantar melalui elektronik mel, serta-merta selepas elektronik mel tersebut dihantar ke alamat e-mel yang telah diberikan oleh Pihak-Pihak;

DENGAN SYARAT bahawa sebarang notis oleh Syarikat kepada TNGSB hendaklah ditandatangani oleh wakil yang diberi kuasa oleh Syarikat.

- 24.2 Semua notis, permintaan dan/atau komunikasi lain kepada TNGSB hendaklah disalurkan kepada alamat berikut:

Touch 'n Go Sdn Bhd

Tower 6, Avenue 5, Bangsar South No. 8, Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur

No. Talian Khidmat Pelanggan : 03-2714 8888 (Isnin-Jumaat: 8.00 pagi hingga 8.00 malam)

E-mel: careline@touchngo.com.my

25 UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL DAN PENYELESAIAN PERTELINGKAHAN

- 25.1 Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsirkan dalam semua aspek selaras dengan undang-undang Malaysia.
- 25.2 Sebarang pertikaian, pertanyaan atau aduan berhubung dengan Kad Perniagaan atau Terma dan Syarat ini boleh dikemukakan oleh Syarikat kepada TNGSB selaras dengan Klausula 24 (Notis-Notis) melalui saluran berikut:

TOUCH 'N GO SDN BHD

Client Care Department

Level 6, Tower 6, Avenue 5, Bangsar South

No. 8, Jalan Kerinchi 59200 Kuala Lumpur

No. Talian Khidmat Pelanggan: 03-2714 8888 (Isnin-Jumaat: 8.00 pagi hingga 8.00 malam)

E-mel: careline@touchngo.com.my

dan TNGSB akan mengeluarkan keputusan muktamad secara bertulis berhubung pertikaian, pertanyaan atau aduan Syarikat dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan pertikaian, pertanyaan atau aduan tersebut.

- 25.3 Jika Syarikat tidak berpuas hati dengan hasil yang diperoleh di bawah Klausa 25.2 di atas, Syarikat boleh merujuk perkara tersebut kepada:

Bank Negara Malaysia

Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK)

Ground Floor, D Block,

Jalan Dato' Onn,

50480 Kuala Lumpur

Pusat Hubungan (BNMLINK)

Tel : 1-300-88-5465

(Luar Negara: 603-2174-1717)

Borang Laman Web: bnmlink.bnm.gov.my

Financial Markets Ombudsman Service

(sebelum ini dikenali sebagai Ombudsman for Financial Services)

Level 14, Main Block,

Menara Takaful Malaysia,

No.4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Talian Am: +603 22722811

Laman Web: www.fmos.org.my

- 25.4 Jika isu atau pertikaian tidak dapat diselesaikan menurut Klausa 25.3 di atas, perkara tersebut hendaklah dirujuk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia untuk penyelesaian muktamad. Tiada apa-apa dalam Terma dan Syarat ini yang akan menghadkan hak mana-mana Pihak untuk mendapatkan relif injunksi atau remedi undang-undang di mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang sewajarnya.

26 PERUBAHAN KEPADA TERMA DAN SYARAT INI

- 26.1 TNGSB boleh meminda Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa. TNGSB akan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum perubahan tersebut berkuat kuasa. Notis akan diberikan melalui laman web TNGSB atau Portal Perniagaan.
- 26.2 Penggunaan berterusan Kad Perniagaan dan/atau Portal Perniagaan oleh Syarikat dan/atau Pemegang Kad selepas perubahan tersebut berkuat kuasa akan dianggap sebagai penerimaan tanpa syarat oleh Syarikat terhadap perubahan tersebut. Sekiranya Syarikat tidak menerima perubahan tersebut, Syarikat boleh berhenti menggunakan Kad Perniagaan dan/atau Portal Perniagaan. TNGSB tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian, kerosakan, kos, perbelanjaan atau ketidakselesaian yang timbul akibat penamatan tersebut.

27 PENYERAHAN DAN PEMINDAHAN

Syarikat tidak boleh menyerahkan atau memindahkan hak atau kewajipan Syarikat di bawah Terma dan Syarat ini tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada TNGSB. TNGSB boleh menyerahkan Terma dan Syarat ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian kepada mana-mana pihak ketiga dengan memberikan notis bertulis sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum kepada Syarikat.

28 PENEPIAN

Sebarang kegagalan untuk melaksanakan dan/atau penangguhan dalam melaksanakan mana-mana hak, kuasa atau keistimewaan di bawah Terma dan Syarat ini tidak akan dianggap sebagai penepian, tidak juga mana-mana pelaksanaan tunggal atau sebahagian daripada perkara yang sama menghalang sebarang pelaksanaan lain atau selanjutnya.

29 KEBOLEHASINGAN

Sekiranya mana-mana peruntukan dibawah Terma dan Syarat ini didapati tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan di bawah mana-mana Undang-Undang yang Terpakai, ketidaksahan, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan tersebut tidak akan memberi kesan atau menjejaskan mana-mana peruntukan lain dalam Terma dan Syarat ini dan Terma dan Syarat ini hendaklah ditafsirkan seolah-olah peruntukan yang tidak sah, menyalahi undang-undang atau tidak boleh dikuatkuasakan itu tidak pernah dimasukkan ke dalam Terma dan Syarat ini.

30 MASA ADALAH PENTING

Masa dimana sahaja dinyatakan hendaklah dianggap dan dilayan sebagai elemen penting dalam Terma dan Syarat ini.

31 PENGGANTI TERIKAT

Terma dan Syarat ini hendaklah mengikat pengganti dan penerima serah hak yang dibenarkan oleh Syarikat. Terma dan Syarat ini juga hendaklah mengikat dan memberi manfaat kepada pengganti hakmilik dan serah hak TNGSB.

32 BAHASA

Terma dan Syarat ini turut disediakan dalam Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau kesamaran antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.